



**TITAH DIRAJA**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**SEMPENA**

**MAJLIS MENGHADAP PESERTA PENDAKIAN GUNUNG SYUE, TAIWAN**

**PADA**

**24 JUN 2019 [ISNIN]  
BERSAMAAN 20 SYAWAL 1440 HIJRAH**

**BERTEMPAT DI**

**ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام  
على اشرف الانبياء والمرسلين  
وعلى اله وصحبه اجمعين  
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري  
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

DATUK PADUKA BIJAYA DIRAJA, ISTANA NEGARA.

DATUK ABDUL WAHAB MAT YASIN; PENGARAH OPERASI KEBOMBAAN, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA.

DATO' NIK NAIZI HUSIN, PRESIDEN KELAB MEDIA PAHANG

PESERTA-PESERTA PROGRAM PENDAKIAN GUNUNG SYUE, TAIWAN 2019.

HADIRIN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

1. MAJLIS PADA PAGI INI DI ANJURKAN OLEH ISTANA NEGARA BAGI MERAIKAN TIM PENDAKIAN GUNUNG SYUE, TAIWAN. TIM INI YANG TERDIRI DARIPADA PENGAMAL MEDIA NEGERI PAHANG DAN JUGA DARI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA DIJADUALKAN BERLEPAS KE TAIWAN DALAM SEHARI DUA LAGI.

2. KALI PERTAMA KELAB MEDIA PAHANG MENGANJURKAN PROGRAM PENDAKIAN IALAH PADA NOVEMBER 2014; IAITU EKSPEDISI GUNUNG FANSIFAN DI VIETNAM. BERMULA DARI SITU; PELBAGAI PROGRAM PENDAKIAN TELAH DILAKSANAKAN DENGAN KERJASAMA PELBAGAI AGENSI KERAJAAN DAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN.

3. AKTIVITI PENDAKIAN SEPERTI INI BUKAN MUDAH DAN TURUT BERHADAPAN DENGAN PELBAGAI RISIKO. IANYA MEMERLUKAN PERSIAPAN FIZIKAL DAN MENTAL, LATIHAN DAN PERANCANGAN TELITI.

4. AKTIVITI KALI INI IALAH MENDAKI GUNUNG SYUE ATAUPUN SNOW MOUNTAIN. GUNUNG INI MEMPUNYAI KETINGGIAN 3,886 METER ATAU 12,749 KAKI; DAN ADALAH MERUPAKAN GUNUNG YANG KEDUA TERTINGGI DI TAIWAN. SAYA DISEMBAH MAKLUM; SERAMAI 22 ORANG PENDAKI YANG AKAN TERLIBAT DALAM PENDAKIAN INI. SUDAH PASTI; PESERTA YANG TERLIBAT KALI INI AKAN TURUT BERDEPAN DENGAN CABARAN MENTAL DAN FIZIKAL SEPERTI PENDAKIAN YANG LAIN.

5. AKTIVITI PENDAKIAN MEMBERI BANYAK MANAFAAT KEPADA PESERTA. IANYA BOLEH MEMBINA KEKUATAN FIZIKAL DAN MENTAL; SERTA DAPAT MEMBENTUK DISIPLIN DAN KERJASAMA BERPASUKAN. SELAIN ITU; AKTIVITI INI JUGA SESUAI UNTUK MEMPROMOSI GAYA HIDUP SIHAT.

6. PALING MEMBANGGAKAN IALAH AKTIVITI SEPERTI INI BOLEH MEMBENTUK JATI DIRI DAN SEMANGAT PATRIOTIK YANG TINGGI. PADA SETIAP PUNCAK GUNUNG YANG BERJAYA DITAWAN; JALUR GEMILANG DAN BENDERA PAHANG AKAN MEGAH DIKIBARKAN. IA TIDAK SECARA LANGSUNG MENERBITKAN SEMANGAT CINTAKAN NEGARA DI KALANGAN PESERTA.

7. AKTIVITI INI JUGA BOLEH MEMBERIKAN PERSPEKTIF BARU KEPADA PESERTA DARI KALANGAN PENGAMAL MEDIA. MEREKA AKAN DAPAT MERASAKAN DENGAN SENDIRI PENGALAMAN SERTA PENAT LELAH DALAM MENAKLUK GUNUNG. SELAIN ITU; PENGAMAL MEDIA DAN AGENSI KERAJAAN YANG TERLIBAT BOLEH BERKONGSI KEPAKARAN DAN SALING MEMAHAMI TUGAS ANTARA SATU DENGAN YANG LAIN.

8. IA SETERUSNYA MEMBOLEHKAN KEPADA PEMBENTUKAN ETIKA KERJA DAN LAPORAN BERITA YANG TEPAT SERTA LEBIH BERTANGGUNGJAWAB OLEH PENGAMAL MEDIA.

9. PENGLIBATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA DALAM AKTIVITI SEPERTI INI BOLEH MEMBUKA MATA ORANG RAMAI TERHADAP KEPENTINGAN PERKHIDMATAN BOMBA KEPADA MASYARAKAT. REALITINYA; BOMBA KINI BUKAN HANYA MEMADAM API SAHAJA. JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA MEMBERIKAN PERKHIDMATAN LEBIH MELUAS KEPADA NEGARA DAN RAKYAT JELATA.

10. SAYA INGIN MEMBERIKAN GALAKAN KEPADA LAIN-LAIN AGENSI KERAJAAN TERMASUKLAH KAKITANGAN ISTANA NEGARA UNTUK TURUT BERGIAT DALAM AKTIVITI PENDAKIAN SEPERTI INI. SEMOGA, KERJASAMA YANG TERBENTUK KELAK BOLEH DIJADIKAN CONTOH KEPADA MASYARAKAT DALAM MEMBENTUK SEMANGAT KERJASAMA DAN JATI DIRI NEGARA.

11. TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN MAJLIS PADA PAGI INI; KHUSUSNYA KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN ISTANA NEGARA.

12. KEPADA SEMUA PESERTA; SELAMAT MENDAKI DAN SAYA MENDOAKAN SEMUA PESERTA SELAMAT PERGI DAN SELAMAT KEMBALI NANTI.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته